



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PROGRAM WACANA ILMU SEMPENA PERISTIWA PENGISYTIHARAN TARikh KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DAN PELANCARAN BUKU KARTUNKU 1957-1963: LAKARAN EKSKLUSIF BAPA KEMERDEKAAN, BAPA MALAYSIA

---

**MELAKA, 20 Februari** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan **Program Wacana Ilmu Sempena Peristiwa Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan Pelancaran Buku Kartunku 1957-1963: Lakaran Eksklusif Bapa Kemerdekaan, Bapa Malaysia** di pekarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan (MPK), Melaka hari ini.

Program anjuran Arkib Negara Malaysia (ANM) ini diadakan bersempena memperingati Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956. Program ini juga dijadikan **medium untuk mengupas perjuangan, cabaran, kesepakatan, perpaduan dan kemakmuran dalam memperolehi kemerdekaan negara.**

Program Wacana Ilmu ini turut menyediakan **ruang interaksi pemikiran ilmiah serta perkongsian** mengenai peristiwa pengisytiharan tarikh kemerdekaan sebelum, semasa dan selepas 20 Februari 1956 dalam menuju kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

YB Datuk Aaron di dalam ucapan perasmian beliau mengatakan bahawa Kementerian Perpaduan Negara melalui ANM **sentiasa berusaha mengisi ruang-ruang kosong maklumat pensejarahan negara supaya menjadi lebih lengkap dan menyeluruh untuk menanamkan rasa kecintaan kepada negara selaras dengan hasrat Kerajaan Perpaduan mengukuhkan semangat patriotisme dan perpaduan kaum di negara ini.**

Beliau turut menyeru kepada semua rakyat khususnya anak-anak muda untuk mengambil iktibar daripada perjuangan orang-orang terdahulu yang **mengenepikan perbezaan pendapat, kepentingan diri dan meletakkan matlamat untuk membebaskan bangsa dan negara dari penjajah.**

Dalam usaha memberi kesedaran berhubung kepentingan khazanah negara, YB Datuk Aaron juga mengumumkan bahawa kementerian melalui ANM akan **melaksanakan Program ‘Arkib Komuniti’ iaitu sebahagian daripada usaha untuk ‘Memasyarakatkan Arkib’**. Matlamat pelaksanaan program ini adalah untuk memperkasa peranan masyarakat dalam memelihara khazanah warisan negara serta terlibat sama dalam pengumpulan koleksi warisan negara.

Program tersebut turut diserikan dengan **Majlis Pelancaran Buku KarTunku 1957-1963: Lakaran Eksklusif Bapa Kemerdekaan, Bapa Malaysia**. Buku tersebut melakarkan sejarah kemerdekaan dan pembentukan Malaysia yang diinspirasikan dari koleksi gambar, poster dan dokumen bersejarah yang disimpan di Arkib Negara Malaysia meliputi tahun 1940-an sehingga 1960-an.

Kementerian Perpaduan Negara

20 Februari 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA), 6. Yayasan Sukarelawan Siswa, 7. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 8. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my  
No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )